

Peragut pengsan

Harian Metro 12/05/2010 M/S 22

Lelaki samun warga emas tidak sedar diri sebaik dikerumuni orang ramai

>>Oleh Ravale Savarinathan
am@hmetro.com.my

TELUK INTAN: Seorang ne-nek patah tangan kanan dan tulang rusuknya selepas bergelut dengan peragut di Kampong Pengkalan Daun, Chenderong Balai, Labu Kubong, dekat sini, pagi kelmarin.

Miserikah Bakri, 60, dari Parit 1, Chenderong Balai, Labu Kubong, turut menerima tiga jahitan di bibir serta cedera di kaki selepas cuba mempertahankan beg yang disandangnya daripada diragut lelaki terbabit dalam kejadian kira-kira jam 11.15 pagi itu.

Mangsa yang ditemui di Wad 1B, Hospital Teluk Intan semalam berkata, kejadian berlaku ketika dia dalam perjalanan pulang ke rumahnya dengan menunggang motosikal selepas selesai mengaji di surau berdekatan.

Katanya, sebaik tiba di tempat kejadian iaitu kira-kira satu kilometer dari rumahnya di Jalan Pengkalan Daun, sebuah moto-



CEDERA...Miserikah dikunjungi ahli keluarga di HTI, semalam.

sikal yang ditunggang seorang lelaki memotong motosikalnya sebelum suspek membuat pusingan U kira-kira 30 meter di hadapannya.

"Tanpa mengesyaki apa-apa, saya terus menunggang motosikal, namun saya terkejut apabila mo-

tosikal yang ditunggang lelaki terbabit dari arah bertentangan tiba-tiba memasuki laluan saya dan terus menuju ke arah saya.

"Saya cuba mengelak daripada berlaku kemalangan namun suspek masih menuju ke arah motosikal saya menyebabkan ber-

laku pertembungan.

"Ia menyebabkan saya dan suspek terjatuh ke atas jalan. Ketika itulah suspek tiba-tiba bangun dan menerpa ke arah saya sebelum menarik beg sandang saya. Melihat tindakan suspek, saya melawannya dalam keadaan kesakitan sambil menjerit meminta pertolongan," katanya.

Menurut Miserikah, suspek yang gagal meragut beg sandangnya, panik apabila melihat orang ramai mula mengerumuni kawasan kejadian sebelum dia tiba-tiba pengsan.

Sementara itu, Ketua Polis Hilir Perak, Asisten Komisioner Goh Kok Liang ketika dihubungi berkata, orang ramai kemudian menghantar mangsa ke HTI untuk menerima rawatan kecemasan dan memberkas suspek.

"Suspek kini ditahan reman bagi siasatan lanjut dan siasatan awal mendapati suspek mempunyai enam kes jenayah lampau iaitu kes jenayah lampau iaitu kes jenayah serta penyalahgunaan dadah," katanya.